

22 JUL 2000

Al-Ma'unah-ISA

ANGGOTA AL-MA'UNAH DI KEDAH DI TAHAN BAWAH ISA

ALOR SETAR, 22 Julai (Bernama) -- Seorang anggota Al-Ma'unah yang ditahan pada 8 Julai lepas kerana dipercayai menyimpan selaras pelancar bom tangan di sebuah rumah di Sungai Petani, bermula hari ini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, ACP Abdul Jalal Mohamed Yunus mengesahkan perkara itu.

Peniaga gerai makanan berusia 28 tahun itu ditahan di bawah ISA setelah tempoh tahanan remannya sejak 9 Julai lalu berakhir hari ini.

Lelaki itu yang dipercayai turut terbabit dalam rompakan lebih 100 senjata api dari dua buah kem tentera di Perak pada 2 Julai lalu, ditahan di Kuala Selangor pada 8 Julai.

Hasil siasatan, beliau membawa polis ke sebuah rumah di Sungai Petani dan polis menemui selaras pelancar bom tangan M-203.

Lelaki itu dipercayai membawa keluar senjata api itu sebelum polis dan tentera mengepung Bukit Jenalik, di Sauk, dekat Kuala Kangsar yang menjadi tempat persembunyian kumpulan penjenayah itu.

Dalam kejadian rompakan 2 Julai itu, lebih 100 senjata api, peluru dan bom dicuri daripada dua kem tentera di Gerik Perak.

Kumpulan perompak itu turut menahan empat tebusan dan membunuh dengan kejam dua daripada mereka iaitu seorang anggota tentera dan seorang anggota polis.

Kesemua 27 anggota kumpulan itu ditahan dan kesemua senjata api yang dicuri kecuali selaras pelancar bom tangan ditemui semula di bukit itu lima hari kemudian. Seorang anggota kumpulan penjenayah itu turut terbunuh.

Di Sungai Petani, anggota keluarga lelaki itu, peguamnya Manjeet Singh dan media berada di perkarangan Mahkamah Seksyen kerana menyangka lelaki itu akan didakwa hari ini di bawah Akta Senjata Api.

Setakat ini, tidak dapat dipastikan sama ada lelaki itu terbabit dalam kejadian mengebom sebuah kuil dan sebuah kilang bir seperti yang didedahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

-- BERNAMA

JM MZM PR